

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2016

KEMPEN EKSTREM PRK, MUDARAT NIZAR DAN PAKATAN MAHATHIR - DAP- PAN

BANYAK petunjuk yang meresahkan dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Paling memalukan adalah tindakan dua parti iaitu DAP dan PAN menggunakan kempen kotor untuk meraih undi, lebih-lebih pada bulan Ramadan. Awang tidak boleh percaya DAP sanggup memainkan sentimen kebencian kaum secara ekstrem dengan memanipulasi papan iklan gergasi seolah-olah iklan itu milik BN. Pengakuan pemimpin DAP bahawa parti itu yang memasang iklan menggunakan lambang dan pemimpin BN setempat melabelkan orang kaum Cina b*** adalah keterlaluan. Ini bukan lagi soal penipuan kempen pilihan raya tetapi soal ancaman keselamatan yang dicetuskan dengan niat yang buruk. Awang berharap pihak berkuasa menjalankan siasatan segera dan bertindak ke atas sesiapa yang bertanggungjawab. Jika di Singapura, tidak sampai 48 jam, perbuatan provokatif berbahaya seperti itu pasti terkena padahnya dan serik untuk diulangi.

Walaupun Timbalan Pengerusi PAN, Mohammad Nizar telah memohon maaf atas kenyataannya yang



DATIN Mastura Yazid bersama empat anaknya Wan Imar, Wan Iskandar, Wan Emir dan Wan Amar.

biadap berkaitan PRK Kuala Kangsar, mudarat yang beliau bawa sudah cukup besar.

Awang tidak faham mengapa Nizar yang kerap mengeluarkan kenyataan kontroversi tidak pernah belajar untuk mengurus tutur katanya dengan baik, yang juga mencerminkan imej beliau dan PAN.

Mengaitkan takdir Allah SWT memilih PRK di Kuala Kangsar ekoran kematian penyandangannya dalam nahas tragedi helikopter dengan isu kedudukannya sebagai Menteri Besar sebelum ini dan Allah SWT mahu mengajar BN, adalah sangat angkuh.

Awang juga hairan mengapa Nizar bersikap kebudak-budakkan menuduh Perdana Menteri Najib Tun Razak dan timbalannya, Zahid Hamidi merampas jawatan

Menteri Besarnya. Entahlah, masa dilantik dulu beliau akui ia atas keketentuan Allah SWT tetapi apabila tersingkir kerana manusia. Tidak mahu pula menerima hakikat atas ketentuan-Nya. Semoga kali ini, Nizar benar-benar ambil iktibar.

Biar pun ditohmah, calon BN, Mastura Mohd. Yazid tetap tenang malah memaafkan perbuatan Nizar tanpa sebarang masalah. Itulah kemenangan moral buat beliau, yang keempat-empat anak lelakinya kini bekerja keras berkempen. Awang menerima maklum balas, anak-anak Mastura begitu disenangi oleh masyarakat setempat. Biar pun berdepan tohmahan pembangkang, keempat-empatnya sentiasa melakar senyuman, tertib dan beradab - membuka potensi lebih besar untuk kejayaan BN.

Apa nasib PAN dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar? Awang boleh ramalkan bahawa parti itu akan kalah teruk berdasarkan tiada sambutan daripada penduduk setempat.

Walaupun mendapat bantuan luar biasa daripada DAP dan sokongan mantan Perdana Menteri, Dr.



TUN Mahathir mengangkat tangan Lim Kit Siang dan Calon PAN Sungai Besar, Azhar Abdul Shukur.

Realitinya, dulu dan sekarang berbeza. Mahathir sudah hilang pengaruh.

Mahathir Mohamad, PAN yang dipimpin Mohamad Sabu, gagal menyaingi pengaruh BN dan Pas. Realitinya, dulu dan sekarang berbeza. Mahathir sudah hilang pengaruh. Tindakan beliau untuk terus bersama pemimpin DAP termasuk Lim Kit Siang di pentas politik bagi menentang BN, tidak akan memberi impak sebagaimana gagalannya Deklarasi Rakyat. Dengan PAN dan DAP bekerjasama dengan Dr. Mahathir, ramai pemimpin PKR menjauhkan diri daripada kempen PAN kerana akur pendirian Penasihat PKR, Anwar Ibrahim. Sudah jelas Anwar menolak Dr. Mahathir dan deklarasi tersebut. Maka percaturan DAP dan PAN mahu menggunakan Dr. Mahathir hanya sia-sia malah menjadi senjata makan tuan.